

RETORIK GAYA DALAM MEMBENTUK KARAKTER BANGSA

NORIDA BERHAN & ZULKIFLEY HAMID

zulkifly@ukm.my

Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Salah satu cabang ilmu pengetahuan yang memusatkan perhatian kepada aktiviti lisan dan kegiatan bertutur ialah retorik. Kajian ini bertujuan untuk meninjau kekuatan retorik gaya dalam ceramah. Kajian kualitatif ini menggunakan empat buah teks ceramah tokoh terkenal sebagai korpus kajian. Data dianalisis menggunakan model skema dan trope yang dikemukakan oleh Corbett dalam Teori Retorik Aristotle. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan. Data teks ceramah spontan ditransliterasikan dan dianalisis berdasarkan 19 ciri retorik gaya skema dan 17 ciri retorik gaya trope. Dapatan kajian menunjukkan bahawa retorik skema gaya pengulangan lebih mendominasi penggunaan berbanding retorik skema gaya seimbang, hiperbaton, dan pengguguran. Dalam retorik gaya trope pula, gaya motonimi dan gaya hiperbola lebih mendominasi berbanding yang lain. Dapatan juga menunjukkan penggunaan retorik gaya yang pelbagai turut memberi sumbangan besar dalam menjayakan sesebuah ucapan. Selain itu, didapati retorik dalam ceramah merupakan satu kemahiran yang boleh dilatih dan diajar dalam menentukan kewibawaan pengucap dalam membentuk karakter bangsa. Kehebatan retorik gaya dalam ceramah turut membantu mengubah fikiran dan tindakan khalayak. Kepelbagaian retorik gaya yang dihasilkan menunjukkan bahawa retorik gaya mampu membantu meningkatkan kemahiran berkomunikasi selaras dengan cabaran alaf ke-21. Hal ini membuktikan retorik gaya merupakan alat untuk menyampaikan mesej berkualiti sekali gus membentuk karakter bangsa yang berketrampilan dalam pelbagai bidang seperti politik, sosial dan ekonomi.

Kata kunci: Retorik, Model Skema, Model Trope, Analisis Kandungan, Kemahiran Berkomunikasi.

ABSTRACT

One of the branches of knowledge that focused on the verbal activities and speaking is rhetoric. This study aims to explore the strength of rhetoric in public lectures. This qualitative study used four texts of famous lectures as the corpus of the study. Data was analyzed using models presented by Corbett using the theory of Aristotle's Rhetoric. This study uses content analysis methods in analyzing data. Spontaneous speech text data was analyzed based on 19 features of schema model and 17 features of trope model. The study showed that the repetition scheme is more dominating than other rhetorical styles. The findings also indicate that the uses of various rhetorical styles contributed greatly in making a powerful speech. In addition, the study shows that the rhetorical styles found in the talks is a skill that can be trained and taught in determining the integrity of the speakers in helping to shape the character of the nation. Application of rhetorical styles in speeches also helped change public thought and action. Diversity in rhetorical styles shows that rhetorical skills can help improving communication skills to face the challenges of the 21st millennium. Data clearly shows that rhetorical styles is an effective tools in delivering message to the public, and it is a skill that must be acquired by all public speakers such as politicians, religious officers, social works and others involved in communications with the public.

Key Words: Rhetoric, Schema Model, Trope Model, Content Analysis, Communication Skills

Pengenalan

Sejak zaman Yunani kuno ilmu retorik sudah mula berkembang dan mempunyai hubungan yang erat dengan aktiviti lisan. Ahli-ahli pidato terkenal telah membahagikan satu-satu pengucapan umum seperti pidato, ceramah dan lain-lain itu kepada lima bahagian. Bahagian-bahagian itu ialah penyediaan isi, penyusunan isi, gaya bahasa, ingatan dan teknik penyampaiannya. Dalam kajian ini, bahagian gaya bahasa diberi perhatian. Retorik gaya ini menekankan bagaimana gaya bahasa sebagai alat komunikasi dapat dimanfaatkan untuk mempengaruhi khalayak, iaitu mengubah pendirian dan kepercayaan, sikap atau perlakuan mereka. Kejayaan seseorang penceramah untuk mempengaruhi pendengar atau menggerakkan hati pendengarnya supaya bertindak mengikut arahannya bergantung pada retorik gayanya (Igusti Ngurah Oka, 1976). Isi dan bahasa dalam sesebuah penyampaian berkait rapat dengan retorik gaya.

Lanjutan daripada itu, retorik gaya dikatakan sebagai seni menguasai dan mengawal minda khalayak untuk mempengaruhi mereka. Oleh yang demikian amat penting bagi seseorang penceramah memastikan idea yang dijana melalui mindanya disampaikan dengan gaya yang terbaik sekali gus mampu mengubah kepercayaan, sikap, tanggapan dan pendapat khalayak. Keupayaan retorik gaya ini selari dengan hasrat negara yang mahu membentuk karakter atau watak seseorang agar lebih baik, lebih bersopan sesuai dengan budaya dan peradapan bangsa.

Pernyataan Masalah

Ramai pengkaji telah memberi penekanan tentang kepentingan kemahiran bercakap pada khalayak. Seawal Sebelum Masehi ramai ahli falsafah dan para sarjana Greek dan Romawi telah membuat kajian tentang pengucapan umum dan membentuk teori-teori berkesan untuk menghurai fenomena retorik. Sehubungan dengan itu fenomena retorik mendapat liputan luas. Retorik penting kerana orang lebih terpengaruhi kepada kita apabila kita menggunakan ciri-ciri bahasa yang bergaya, mengasyikkan dan seronok didengar.

Menurut Abdullah (2003), walaupun isi ucapan kita tepat dan mengandungi fakta-fakta yang betul, tetapi kalau gaya bahasa kita tidak menarik didengar, orang tidak terpengaruh dengan kita. Rahmat (2000) juga mengaitkan gaya dengan ilmu kerana beliau percaya hanya gaya yang tinggi sahaja yang dapat mengemukakan ilmu secara berkesan. Seseorang ilmuan yang

mempunyai ilmu yang mendalam dalam sesuatu bidang akan gagal memindahkan ilmu yang beliau miliki kepada khalayak sasaran jika gaya penyampaiannya tidak berkesan.

Bagi Awang Sariyan (2006) pula tidak menafikan ada individu yang mempunyai kebolehan atau bakat semula jadi tetapi sebenarnya sesuatu kemahiran itu boleh dipelajari. Rahmat (2000) juga mengatakan bahawa kemahiran berucap merupakan suatu kemahiran yang boleh dipelajari. Sejarah juga membuktikan bahawa pemimpin agung dunia yang bijak menyampaikan ucapan dan berupaya mempengaruhi khalayaknya tidak berasal daripada keluarga yang pandai berucap. Sebaliknya kemahiran berucap itu boleh dipupuk dan diasah melalui proses pembelajaran, pendedahan atau mengamalkan panduan yang diterima daripada mereka yang terlatih.

Bagi para sarjana Greek dan Romawi pula, seni pengucapan umum ini merupakan suatu kepakaran yang penting bagi ahli-ahli politik dan pendakwah. Berdasarkan sejarah retorik pada zaman Pertengahan, bidang seni pidato deliberatif telah diisi oleh para pendakwah dan jurutulis warkah, manakala pada zaman moden, seni pidato ini lebih diberi tumpuan pada aspek perhimpunan bercorak politik bagi memancing undi para khalayak untuk memilih pucuk pimpinan negara. Sehubungan dengan itu, wajarlah kajian ini menggunakan ceramah politik dan ceramah agama sebagai korpus kajian dengan memberi fokus kepada bidang retorik deliberatif. Tambahan pula, Dori Wuwur Hendrikus (1991) mengatakan bahawa faktor utama yang banyak membantu kejayaan seseorang ahli politik yang terkenal dalam sejarah dunia adalah keupayaan mereka menguasai ilmu retorik sewaktu berucap atau berceramah. Menurut Aristotle (2004), seni pidato politik selalunya mengambil berat tentang masa depan, iaitu perkara yang harus dilakukan dan tidak patut dilakukan. Dalam hal ini, penceramah bukan sekadar menyampaikan ilmu atau maklumat sahaja, namun lebih jauh dan lebih utama adalah dapat mengubah minda dan persepsi khalayak.

Penceramah-penceramah yang baik akan dipandang mulia malah akan mewujudkan kesetiaan pengikut terhadapnya (Wan Mahyiddin 1978). Contohnya, khalayak ceramah agama mengharapkan ilmu dan kefahaman mengenai permasalahan agama. Jadi mereka mahukan penceramah yang pandai menarik minat mereka. Oleh yang demikian, para pendakwah yang menggunakan kaedah ini memerlukan kemahiran dalam bidang retorik lebih-lebih lagi retorik gaya. Begitu juga halnya dengan ceramah politik atau pidato politik. Menurut Ahmad Zahid

Hamidi (2004), untuk menjadi seorang ahli politik yang berwibawa mereka sewajarnya mempunyai kemampuan untuk menghasilkan ceramah atau pidatonya dengan berkesan. Antara aspek yang diberi penekanan untuk keberkesanan sesebuah ceramah itu termasuklah unsur gaya bahasa yang diguna pakai.

Rumusannya, retorik melibatkan soal ketrampilan atau kemahiran seseorang mengajukan buah fikiran, idea atau gagasan dalam ucapan atau ceramah (Awang Sariyan 2006). Dalam bidang politik, seni berkomunikasi amatlah penting terutama semasa kempen-kempen pilihan raya. Hal ini demikian, kerana retorik gaya merupakan alat untuk menghubungkan fikiran politik dalam masyarakat dengan golongan pemerintah politik. Begitu juga halnya dengan ceramah agama. Khalayak ceramah agama mengharapkan ilmu dan kefahaman mengenai isu agama. Khalayak memerlukan penyampai ceramah yang berilmu dan berkesan. Keupayaan penceramah menyampaikan ceramah dengan retorik gaya akan menjelmakan kredibiliti mereka sebagai penceramah yang mampu membentuk karakter bangsa. Oleh yang demikian, kajian ini penting untuk dilakukan bagi meninjau sejauhmana retorik gaya dapat menyumbang dalam penyampaian ceramah berkesan sekaligus berperanan sebagai alat untuk membangunkan karakter bangsa.

Objektif Kajian

Kajian retorik gaya ini cukup penting untuk melihat kuasa yang ada pada bahasa dan peranan yang dimainkan oleh retorik gaya sehingga dapat meletakkan bahasa sebagai alat yang sangat penting dalam mempengaruhi khalayak untuk membina karakter bangsa. Justeru kajian ini bertujuan mengenal pasti pola retorik gaya dalam ceramah-ceramah kajian. Antara objektif kajian adalah seperti berikut:

- i. mengenal pasti pola retorik gaya skema dalam ceramah-ceramah kajian,
- ii. mengenal pasti pola retorik gaya trope dalam ceramah-ceramah kajian.

Teori Retorik

Sarjana pertama yang memperkenalkan retorik sebagai ilmu ialah Aristotle, iaitu sekitar 384-322SM. Beliau telah menulis tiga jilid buku yang bertajuk *De Arte Rhetorica*. Aristotle telah menggariskan etika, metodologi, tujuan, dan ruang lingkup pengajian ilmu retorik. Daripada

Aristotle dan ahli Retorik Klasiklah ‘*the five canons of Rhetoric*’ diperkenalkan yang juga dikenali sebagai lima hukum retorik yang dikategorikan ke dalam fakulti retorik. Lima fakulti ini dikenali sebagai reka cipta (*inventio*), penyusunan (*dispositio*), gaya (*elocutio*), ingatan (*memoria*), dan penyampaian (*pronuntia*). Namun begitu fokus kajian ini adalah dari aspek fakulti gaya atau *elocutio*. Corbett juga menekankan bahawa unsur penggunaan gaya bahasa adalah penting dalam menerbitkan ayat-ayat yang berkesan. Menurut Corbett (1971), “Greek rhetoricians conceived of style of that part of rhetoric in which we take the thought’ collected by invention and put them into ‘words’ for speaking out in delivery. Style is the way to create something rhetorical.”

Jenis Retorik dan Fakulti Retorik

Dalam kajian jenis-jenis retorik, Dixon (1991) telah mengkategorikan mengikut tujuan penggunaannya dan peranan yang dimainkan oleh khalayak. Untuk itu retorik dikategorikan kepada tiga jenis iaitu retorik forensik, retorik deliberatif, dan retorik demonstratif. Namun dalam kajian ini, jenis retorik yang dipilih adalah retorik deliberatif.

Gaya (*Elocutio*)

Fakulti gaya ini lebih dikenali sebagai *elocutio* dalam disiplin ilmu retorik. Fakulti gaya mengutamakan pemilihan kata dan penggunaan bahasa yang tepat, benar, jelas, dan indah. Gaya ini digunakan bersesuaian dengan konteks ucapan dan khalayaknya. Untuk itu, turut ditekankan ialah penggunaan bahasa figuratif seperti yang terdapat dalam model skema dan trope yang diperkenalkan oleh Corbett.

Meskipun fakulti ini kurang diberi keutamaan secara umumnya ahli retorik mengakui kepentingan penyampaian berkesan dalam proses pemujukan. Hakikatnya walaupun teks ucapan yang disediakan menarik, padat dan rapi namun penyampaian yang hambar pasti akan menjejaskan keberkesanan sesebuah ucapan. Sesuai dengan pandangan Rahmat (2000) menegaskan bahawa penggunaan bahasa yang sesuai akan mempengaruhi keberkesanan pendengar. Keberkesanan ini pula akan memberi impak kepada respons yang akan diberikan oleh pendengar. Oleh itu beliau menyarankan antara aspek gaya bahasa yang boleh membantu dalam

sesuatu pengucapan umum adalah menggunakan perumpamaan atau bahasa kiasan, bahasa yang ringkas dan tepat dan bahasa yang beralas dan tidak menyinggung perasaan pendengar.

Menyentuh tentang gaya bahasa, Rahman Shaari (1993), menyangkal tanggapan yang mengatakan bahawa karya sastera khususnya yang melibatkan gaya bahasa adalah tidak dapat ditinjau dari sudut linguistik. Malah beliau berpendapat bahawa ilmu gaya bahasa adalah bidang yang melengkapi tatabahasa. Menurut Awang Sariyan (2006), gaya bahasa merujuk kepada keupayaan dan keterampilan pengucap dalam memilih serta menggunakan perkataan, istilah, ungkapan, dan ayat yang sesuai untuk menyampaikan pemikiran, idea atau gagasan. Beliau menegaskan bahawa pemilihan perkataan biasanya mempertimbangkan dari segi ketepatan, keringkasan, kejelasan dan keberkesanannya.

Gaya dalam bahasa Greek ialah *lexis* manakala dalam bahasa latin ialah *elocutio*. Menurut Corbett (1999), *elocutio* bersuara manakala *lexis* memberi tiga maksud iaitu pemikiran, kata, dan ujaran. Dori Wuwur Hendrikus (1991) pula mentakrifkan *elocutio* sebagai kelancaran berucap dan berpendapat bahawa kemahiran dalam fakulti *elocutio* menjadi prasyarat dalam kepandaian berucap. Aristotle (2004) melihat gaya bahasa atau *elocution* sebagai pemilihan kata atau diksi. Dalam Retorik Klasik, Aristotle menganggap pemilihan kata itu satu usaha yang murni. Menurut Gorys Keraf (2000) pula, gaya merupakan cara mengungkap fikiran melalui bahasa yang menggambarkan keperibadian penuturnya. Berdasarkan beberapa takrifan di atas, jelas menunjukkan bahawa disiplin ilmu retorik mempunyai hubungan yang sangat erat dengan *elocutio* atau gaya. Bahkan kepentingannya sangat dituntut dalam seni berbicara (Dori Wuwur Hendrikus 1991). I Gusti Ngurah (1976) juga menekankan bagi memanfaatkan bahasa dalam kegiatan bertutur termasuklah memilih gaya bahasa. Dengan demikian, usaha ini dapat menggali khazanah estetika retorik gaya yang terdapat dalam sesebuah teks ceramah yang disampaikan. Selain melihat penggunaan pola retorik gaya dalam sesebuah ceramah kajian ini juga bertujuan menyingkap kekuatan retorik gaya sebagai satu nilai yang tersembunyi di sebalik kata-kata yang bergaya sehingga berjaya mengubah persepsi dan tingkahlaku pendengar seterusnya sebagai alat untuk membangunkan karakter bangsa.

Pengkaji yang menjurus dalam aspek seni berucap seperti Abdullah Hassan dan Ainon Mohd (2003) telah mengkaji tentang keupayaan seseorang menyampaikan ucapan yang dapat mempengaruhi orang lain di sekelilingnya. Menurut Abdullah dan Ainon (2003) terdapat tiga

strategi mempengaruhi orang iaitu, adanya orang yang bercakap, adanya isu atau isi kandung dan adanya gaya bahasa yang kita gunakan untuk menerangkan isu atau isi sesuatu yang hendak disampaikan. Beliau juga menyarankan seseorang yang ingin berucap harus belajar menggunakan bunga-bunga bahasa. Beliau menggalakkan mereka mempelajari beberapa pepatah, bidalan, dan belajar membina ayat-ayat yang menggunakan perkataan seperti, umpama, bagai, ibarat, macam dan bak.

Pengkaji pidato politik, Ahmad Zahid Hamidi (2004) dalam bukunya, *Pidato Politik Menjana Kredibiliti Mendepani Khalayak* mengatakan bahawa pidato dan politik tidak dapat dipisahkan. Dalam kajiannya beliau menekankan aspek retorik etos, patos dan logos. Menurut beliau, pemidato harus memperlihatkan kepada khalayak bahawa diri mereka memiliki pengetahuan yang luas, mempunyai kewibawaan dan tinggi kredibilitinya (etos), malahan ucapan seseorang harus mampu menyentuh hati, perasaan, emosi dan harapan khalayak (patos). Seterusnya pemidato harus mampu menyakinkan khalayak dengan mengemukakan bukti yang mempunyai sandaran fakta yang kukuh (logos).

Secara tuntasnya atas dasar kekuatan dan kelemahan kajian-kajian lepas inilah, pengkaji berpendapat kewajaran Teori Retorik Aristotle dijadikan landasan dalam kajian retorik gaya dalam teks ceramah-ceramah pilihan.

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini adalah kajian yang bersifat kualitatif. Penyelidik menggunakan kaedah analisis kandungan untuk mendapatkan gambaran retorik gaya dalam ceramah. Analisis kandungan ini digunakan sesuai dengan fungsinya untuk memberitahu keadaan yang wujud dalam sesebuah masyarakat atau mesej yang terkandung dalam buku, majalah, teks dan seumpamanya. Sarjana dalam bidang ilmu bahasa, sains kognitif, psikologi, sains masyarakat, sejarah, dan sastera kerap menggunakan analisis kandungan untuk menjalankan kajian mereka.

Kajian analisis kandungan ini melibatkan pentransliterasian teks daripada kaset rakaman ceramah empat orang penceramah. Empat buah teks ceramah yang telah ditransliterasikan terdiri daripada dua teks ceramah politik dan dua teks ceramah agama. Untuk ceramah politik, rakaman ceramah oleh Tun Abdullah Ahmad Badawi dan Dato' Seri Abdul Hadi Awang digunakan, manakala untuk ceramah agama pula, rakaman ceramah oleh dua penceramah bebas yang

terkenal iaitu Dato' Siti Nor Bahyah Mahmood dan Ustaz Ahmad Sukri Yusof digunakan. Teks dianalisis menggunakan model Skema dan Trope. Terdapat sembilan belas ciri dalam Retorik Gaya Skema dan tujuh belas ciri dalam Retorik Gaya Trope. Retorik Gaya Skema yang menggariskan sembilan belas ciri retorik gaya merujuk kepada penyimpangan bentuk atau penyusunan kata daripada yang lazim.

Dapatan Kajian

Dalam bahagian berikut, dapatan kajian akan dikemukakan berdasarkan dua retorik gaya, iaitu retorik gaya skema dan retorik gaya trope, dan kami akan bermula dengan retorik gaya skema. Data kajian akan dikemukakan dalam bentuk jadual.

Retorik Gaya Skema

Retorik gaya skema akan dianalisis berdasarkan empat bahagian iaitu skema seimbang, skema hiperbaton, skema pengguguran dan skema pengulangan. Skema seimbang terdiri daripada gaya antitesis, isokolon dan paralelisme.

Retorik Gaya Skema Seimbang

Jadual 1: Taburan Retorik Gaya Skema Seimbang

SKEMA SEIMBANG	A	B	C	D	Jumlah
1. Antitesis	11	9	17	26	63
2. Isokolon	10	9	9	29	57
3. Paralelisme	30	13	30	58	131
Jumlah	51	31	56	113	251

Daripada Jadual 1 menunjukkan retorik gaya skema seimbang yang telah digunakan dalam Ceramah A, B, C, dan D. Retorik gaya skema seimbang paralelisme paling banyak digunakan iaitu 131 kali, diikuti gaya antitesis 63 kali dan isokolon 57 kali. Berdasarkan ceramah pula, Ceramah D merupakan ceramah yang paling banyak menggunakan gaya skema seimbang iaitu 113 kali kedua diikuti oleh Ceramah C 56, Ceramah A 51 kali dan yang paling kurang menggunakan skema seimbang ialah Ceramah B iaitu 31 kali. Ini bermakna retorik gaya skema seimbang digunakan dengan meluas bagi membantu memberi sumbangan terhadap keberkesanan ceramah.

Retorik Gaya Skema Hiperbaton

Skema hiperbaton pula terdiri daripada gaya anastrop, aposisi, dan parentesis.

Jadual 2: Taburan Skema Hiperbaton

SKEMA HIPERBATON	A	B	C	D	Jumlah
Anastrop	13	6	2	3	24
Aposisi	12	6	2	16	36
Parentesis	3	-	-	-	3
Jumlah	28	12	4	19	63

Jadual di atas menunjukkan bahawa gaya hiperbaton aposisi paling banyak digunakan dalam keseluruhan ceramah iaitu 36 kali diikuti gaya anastrop 24 kali dan yang paling sedikit ialah gaya parentesis iaitu 3 kali. Dapatan ini memberi makna bahawa retorik gaya skema hiperbaton aposisi lebih cenderung digunakan berbanding gaya anastrop dan parentesis. Dapatan ini juga memberi makna bahawa gaya skema hiperbaton turut memberi sumbangan dalam pemilihan kata sewaktu menyampaikan ceramah. Hal ini berkemungkinan gaya aposisi yang berfungsi menerangkan unsur pertama dalam unsur kedua membantu memberi penjelasan maksud sesuatu perkara yang disampaikan.

Retorik Gaya Skema Pengguguran

Skema pengguguran terdiri daripada gaya asindeton dan elipsis

Jadual 3: Taburan Retorik Gaya Skema Pengguguran

SKEMA PENGGUGURAN	A	B	C	D	Jumlah
Asindeton	18	12	17	33	80
Elipsis	26	23	10	17	76
Jumlah	44	35	27	50	156

Jadual di atas menunjukkan bahawa dalam skema pengguguran, gaya asindeton paling banyak digunakan iaitu 80 kali dan gaya elipsis 76 kali. Berdasarkan ceramah pula Ceramah D paling banyak menggunakan skema pengguguran iaitu 50 kali diikuti dengan Ceramah A 44 kali, Ceramah B 35 kali dan paling sedikit ialah Ceramah C iaitu 27 kali. Perangkaan ini menunjukkan tidak banyak perbezaan penggunaan antara gaya skema pengguguran asindeton dengan gaya

elipsis. Dapatan menunjukkan bahawa hampir semua ceramah menggunakan skema pengguguran ini dalam penyampaian mereka. Hal ini kemungkinan terjadi kerana ceramah-ceramah ini merupakan ucapan spontan maka terlalu banyak perkara yang ingin diperkatakan namun masa agak membataskan keadaan. Tambahan pula penggunaan gaya skema pengguguran yang menggugurkan kata hubung atau menggugurkan kata atau beberapa kata ini tidak mengganggu pemahaman khalayak malah mampu menghasilkan intonasi yang baik. Dapatan ini menunjukkan bahawa retorik gaya skema pengguguran digunakan dengan meluas dalam ceramah kajian bagi membantu penyampaian berkesan.

Retorik Gaya Skema Pengulangan

Skema pengulangan terdiri daripada polisindeton, aliterasi, anadiplosis, anafora, antimetabola, asonansi, epanalepsis, epistrop, kiasmus, klimaks, dan poliptoton.

Jadual 4: Taburan Skema Pengulangan

SKEMA PENGULANGAN	A	B	C	D	Jumlah
9. Polisindeton	15	21	15	6	57
10. Aliterasi	17	9	9	27	62
11. Anadiplosis	13	6	16	27	62
12. Anafora	34	12	54	50	150
13. Antimetabola	-	2	-	1	3
14. Asonansi	14	12	29	28	83
15. Epanalepsis	-	-	5	2	7
16. Epistrop	9	2	15	26	52
17. Kiasmus	2	1	-	1	4
18. Klimaks	6	6	11	4	27
19. Poliptoton	5	8	9	14	36
Jumlah	115	79	163	186	543

Jadual di atas menunjukkan bahawa gaya skema pengulangan anafora paling tinggi penggunaannya dalam ceramah-ceramah pilihan iaitu sebanyak 150 kali, yang kedua diikuti dengan gaya skema pengulangan asonansi iaitu 83 kali yang ketiga ialah gaya aliterasi dan anadiplosis masing-masing menggunakan sebanyak 62 kali. Gaya Skema pengulangan yang paling sedikit digunakan ialah gaya antimetabola iaitu 3 kali. Berdasarkan ceramah pula, Ceramah D paling banyak menggunakan gaya skema pengulangan iaitu 186 kali, yang kedua

diikuti dengan Ceramah C iaitu 163 kali, yang ketiga Ceramah A iaitu 115 kali dan yang paling sedikit menggunakan gaya skema pengulangan ialah Ceramah B iaitu 79 kali. Dapatan ini memberi makna bahawa retorik gaya skema pengulangan anafora paling dominan digunakan dalam ceramah kajian. Hal ini demikian kerana gaya pengulangan anafora dapat memberi kesan penekanan sekurang-kurangnya dua kali kepada perkara pokok yang diujarkan.

Retorik Gaya Trope

Menurut Corbett (1971) gaya Trope melibatkan “*a deviation from the ordinary and principal significant of a word*” atau pemindahan dari segi pemakaian kata. Trope merupakan perkataan Yunani iaitu *tropein* yang membawa maksud memaling. Corbett melihat Trope sebagai yang melibatkan penyimpangan daripada makna biasa dan asas sesuatu kata yang menyimpang daripada penggunaan lazimnya. Gaya Trope terdiri daripada gaya antimeria, hiperbola, ironi, litotes, metafora, metonomi, oksimoron, onomatopia, paradoks, perifrasis, antanaklasis, dan personifikasi.

Jadual 5: Kesimpulan Retorik Gaya Trope

TROPE	A	B	C	D	Jumlah
1. Antimeria	7	6	11	9	31
2. Hiperbola	18	8	31	9	66
3. Ironi	7	20	2	-	29
4. Litotes	6	4	1	3	14
5. Metafora	3	5	4	-	12
6. Metonimi	10	18	28	13	69
7. Oksimoron	6	4	11	5	26
8. Onomatopia	-	-	1	-	1
9. Paradoks	1	1	3	4	9
10. Perifrasis	1	2	10	-	13
11. Antanaklasis	-	3	-	-	3
12. Personifikasi	-	4	4	1	9
13. Paranomasis	-	-	1	1	2
14. Silepsis	-	-	-	1	1
15. Simile	7	4	4	8	23
16. Sinekdot	-	-	2	2	4
17. Soalan Retorik	12	9	5	5	31

Jadual di atas menunjukkan bahawa gaya trope yang paling banyak digunakan dalam ceramah ialah gaya metonimi iaitu 69 kali, dikuti dengan tempat kedua gaya hiperbola iaitu 66 kali,

tempat yang ketiga gaya antimeria dan soalan retorik masing-masing menggunakan sebanyak 31 kali. Selain itu, dapatan menunjukkan bahawa penceramah sangat bijaksana sewaktu memilih kata kerana dalam ceramah mereka terangkum kata-kata yang indah, yang mempunyai nilai estetika serta dapat memberi sumbangan dalam membangunkan karakter bangsa. Hal ini membuktikan bahawa retorik gaya trope mempunyai nilai estetika yang turut memberi sumbangan dalam menghasilkan sesuatu penyampaian yang berkualiti lagi berkesan.

Perbincangan

Dapatan dan perbincangan kajian ini dikupas berdasarkan tujuan kajian untuk melihat pola retorik gaya dalam ceramah kajian, sumbangan retorik gaya terhadap keunggulan retorik dan peranan retorik gaya itu sendiri dalam membangun karakter bangsa.

Skema Seimbang

Dalam dapatan kajian, Retorik Gaya Skema Seimbang turut memberi peranan dalam membantu keberkesanan ujaran. Selain itu, dapatan menunjukkan bahawa retorik gaya skema seimbang paralelisme paling banyak digunakan diikuti gaya antitesis dan isokolon. Dapatan ini bermakna retorik gaya skema seimbang yang paling banyak digunakan oleh penceramah ialah gaya paralelisme. Kekekapan penggunaan gaya paralelisme dalam sesebuah ceramah menyokong pendapat Rahman (1993) yang mengatakan bahawa gaya paralelisme digunakan dengan meluas bagi menimbulkan kesan keindahan di samping mempertegas maksud dalam sesebuah penyampaian. Hal ini menunjukkan gaya skema seimbang turut memberi sumbangan dalam penyampaian mesej yang berkesan. Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa retorik gaya skema seimbang lebih banyak digunakan dalam ceramah agama berbanding ceramah politik.

Skema Hiperbaton

Dalam kajian, Retorik Gaya Skema Hiperbaton turut memberi sumbangan dalam membantu keberkesanan ujaran. Selain itu dapatan menunjukkan bahawa retorik gaya aposisi lebih banyak digunakan diikuti gaya anastrop dan parentesisi. Dalam hal ini walaupun gaya anastrop dan parentesis jarang digunakan namun ini menunjukkan bahawa retorik gaya jenis ini sangat memberi kesan yang relevan dalam membantu penceramah menyampaikan ceramah yang

berkesan. Kehadiran gaya anastrop yang berfungsi sebagai memperkuat definisi skema dapat melancarkan pengaliran ayat yang bergaya di samping memperkuat pemahaman pendengar.

Skema Pengguguran

Dapatan kajian menunjukkan bahawa skema pengguguran, gaya asindeton paling banyak digunakan dan diikuti dengan gaya elipsis. Kekerapan semua penceramah menggunakan retorik gaya skema pengguguran ini menunjukkan kebijaksanaan penyampai dalam mengolah ayat yang diujarkan. Pengguguran kata hubung, subjek atau predikat tidak langsung mengganggu pemahaman pendengar bahkan ini dapat menyerlahkan lagi kehebatan dan kebijaksanaan penyampai sesebuah pengucapan awam. Jelas skema pengguguran turut memberi sumbangan dalam menyampaikan mesej yang berkualiti dan berkesan.

Skema Pengulangan

Retorik gaya skema pengulangan merupakan gaya yang sangat popular. Pencirian retorik gaya skema pengulangan sebanyak sebelas ini juga turut membuktikan bahawa retorik gaya memang unik dan mampu memberi kesan dalam sesebuah pengucapan. Walaupun retorik gaya pengulangan anafora paling mendominasi penggunaannya namun gaya pengulangan yang lain turut memberi variasi dalam sesebuah penyampaian. Hal ini juga dibicarakan oleh Dori Wuwur Hendrikus (1991), iaitu dalam sesebuah penyampaian, mesti ada hal-hal yang menarik dan memiliki pengulangan kerana pengulangan dikatakan dapat memperkuat isi dan memperjelas pengertian pendengar selain membantu nada dan intonasi yang menyegarkan. Rahman (1993) juga turut membuktikan peranan dan sumbangan retorik gaya skema pengulangan ini dengan mengatakan penggunaannya yang meluas bagi menimbulkan kesan keindahan dan menegaskan maksud. Selain itu, fakta ini juga memberi makna bahawa gaya pengulangan asonansi dan aliterasi juga merupakan penggunaan kedua dan ketiga tertinggi. Dengan demikian dapatan ini menyangkal ada pendapat yang mengatakan bahawa gaya aliterasi dan asonansi ini hanya terdapat dalam puisi dan tidak dalam prosa. Sementara itu, dapatan kajian ini juga menyokong pendapat Chuah Ju Nah (1999) yang mengatakan bahawa untuk memujuk atau menarik perhatian, perlu menggunakan bahasa yang luar biasa dan bergaya. Antara gaya yang mendominasi dalam kajian beliau ialah gaya aliterasi, asonansi, anadiplosis, paralelisme, dan aposisi. Perkara

sedemikian juga ditemui dalam dapatan kajian ini. Hal ini jelas membuktikan bahawa retorik gaya pengulangan memainkan peranan penting dalam keberkesanan sesuatu penyampaian ceramah. Berdasarkan dapatan di atas, gaya pengulangan didapati digunakan dengan kerap dan hampir keempat-empat ceramah kajian menggunakan gaya pengulangan ini dengan bijaksana. Perkara ini berkaitan dengan pendapat Rahman (1993) yang mengatakan bahawa gaya pengulangan digunakan dengan meluas bertujuan menimbulkan kesan keindahan bagi menegaskan maksud.

Retorik Gaya Trope

Dapatan yang menunjukkan sumbangan retorik gaya trope dalam ceramah di atas juga menyokong pendapat I Gusti Ngurah Oka (1976) yang pernah menyenaraikan antara gaya bahasa yang boleh memikat perhatian pendengar adalah seperti metafora, personifikasi, metonimi, hiperbola, pengulangan dan beberapa yang lain. Sementara itu, Jalaluddin (1992) juga telah membuktikan bahawa retorik gaya mampu memberi kekuatan dalam sesebuah ucapan adalah seperti metafora dan personifikasi. Contoh yang digariskan ini merupakan gaya bahasa perbandingan iaitu yang tersenarai dalam retorik gaya trope. Sehubungan dengan itu, beliau menyimpulkan bahawa pemedato atau penyampai harus dapat memilih kata-kata yang jelas, tepat, dan menarik.

Kesimpulan

Dapatan perbincangan kajian ini boleh dirumuskan bahawa retorik gaya memainkan peranan penting dalam keberkesanan sesuatu ceramah. Retorik gaya skema pengulangan lebih luas penggunaannya diikuti dengan retorik gaya skema seimbang, skema pengguguran dan skema hiperbaton. Selain itu, retorik gaya trope turut memberi sumbangan dalam ceramah kajian. Sama ada pola retorik gaya ini paling maksimum atau minimum penggunaannya itu tidak penting, yang jelas sumbangannya turut membantu memperjelas maksud dan mesej yang disampaikan.

Kesimpulannya, dapatan kajian yang menyenaraikan pola retorik gaya skema dan trope dalam ceramah ini membuktikan bahawa peranan dan sumbangan retorik gaya amat penting dan perlu diketengahkan dalam pendidikan di sekolah mahupun di peringkat pengajian tinggi. Hal ini selari dengan pendapat I Gusti Ngurah Oka (1976) yang menyentuh tentang kepentingan gaya

bahasa dalam aktiviti bertutur. Menurut beliau, bidang retorik menyedari bahawa gaya bahasa memainkan peranan yang penting dalam kegiatan bertutur. Beliau berpendapat bahawa gaya bahasa ibarat aroma dalam makanan yang berfungsi meninggikan selera. Penguasaan dalam bidang retorik gaya ini bolehlah diibaratkan sebagai perencah dalam sesebuah penyampaian.

Kajian ini juga menunjukkan bahawa pendidikan retorik gaya amat penting untuk disampaikan dan digunakan oleh pelajar, juga oleh semua individu yang terlibat dalam mana-mana pengucapan awam. Hal ini kerana retorik gaya membantu menghasilkan satu pengucapan yang bertenaga, kreatif dan mempunyai nilai estetika. Oleh itu pendidikan di sekolah atau mana-mana institusi pendidikan perlu menitikberatkan isu retorik dan retorik gaya agar dapat dijadikan alat untuk membentuk dan membina karakter bangsa. Hanya kata-kata yang baik dan menarik serta disenangi sahaja yang dapat mengubah minda atau mengajak anak bangsa supaya berubah ke arah kebaikan dalam apa-apa sahaja urusan hidup dan kehidupan. Dengan perubahan yang membina ini sesuatu bangsa itu dapat dibangunkan sesuai dengan usaha negara untuk menyahut cabaran-cabaran abad ke-21.

Tegasnya retorik gaya jelas menyumbang terhadap keberkesanan sesebuah ceramah atau ucapan. Hal ini penting kerana ceramah merupakan medium atau medan untuk seseorang tokoh atau pemimpin menyuarakan pandangan, hasrat maupun misi dan visi sesebuah negara. Sehubungan dengan itu, retorik gaya perlu dipelajari dalam menghasilkan sesebuah pengucapan. Hal ini demikian dengan kuasa yang ada pada kehebatan retorik gaya dapat membantu pembangunan karakter bangsa yang berketerampilan lagi beradab, maju dan sejahtera, bahkan lestari selamanya. Oleh yang demikian pendidikan terhadap retorik gaya ke arah usaha penampilan seni berbicara harus diperbanyak di peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi. Kebijaksanaan dalam menguasai retorik gaya ini jelas bukan sahaja memberi kepentingan kepada peribadi penutur itu sendiri dari segi ketrampilannya tetapi juga kepada bidang sosial, ekonomi dan politik negara. Tindakan yang demikian membantu bangsa kita daripada kehilangan warisan estetika seni bertutur yang telah ditinggalkan oleh nenek moyang kita yang terdahulu. Sesungguhnya, seiring dengan keghairahan kita menghadapi cabaran kemahiran berkomunikasi pada abad ke-21, maka nilai estetika dalam retorik gaya harus terus dimartabatkan.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan dan Ainon Mohd. 2003. *Teori dan teknik ucapan berpengaruh*. Kuala Lumpur: Utusan Publication. Sdn. Bhd.
- Ahmad Zahid Hamidi. 2004. *Pidato politik : Menjana kredibiliti mendepani khalayak*. Kuala Lumpur: Utusan Publication. Sdn. Bhd.
- Aristotle. 1959. *The art of rhetoric*. Terj. John Henry Freese. London : William Heinemann Ltd.
- Awang Sariyan. 2006. Retorik sebagai alat berbahasa. *Pelita Bahasa* Januari: 8-12.
- Chuah, Ju Nah. 1999. Kajian sosiolinguistik bahasa iklan cetak dengan tumpuan kepada aspek retorik. Tesis Sarjana. Fakulti Sastera dan Sains Sosial. University Malaya.
- Corbett, Edward P.J. 1971. *Classical rhetoric for the modern student* (edisi ke-2) New York. Oxford University Press.
- Hendrikus, D. Dori Wuwur. 1946. *Retorika*. Yogyakarta.
- I Gusti Ngurah Oka. 1976. *Retorik Satu Tinjauan Pengantar*. Bandung: Penerbit Tarate.
- Jalaluddin Rakhmat. 1992. *Retorika Modern Pendekatan Praktis*. Bandung: Penerbitan Remaja Rosdakarya
- Keraf, Gorys. 2000. *Diksi dan gaya bahasa: komposisi lanjutan I*. Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama.
- Peter Dixon. 1991. terj Ismail Hamzah Nasution. *Retorik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahman Shaari. 1993. *Memahami gaya bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahmat Ismail. 2000. *Pidato Berpidato Seni dan Teknik*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Wan Mohd. Mahyiddin. 1978. *Garis perjuangan parti*. Kuala Lumpur. Utusan Publication.